

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA (MESR), SIRI 6 / 2023



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 6/ 2023

PENGELUARAN



Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Mei 2023: 7,686,113 tan metrik ▲ 3.1%
Apr 2023: 6,102,439 tan metrik ▼ -17.3%



Pengeluaran Getah Asli

Apr 2023: 23,460 tonnes ▲ 3.4%
Mac 2023: 27,188 tonnes ▲ 10.8%



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Apr 2023: ▼ -3.3%
Mac 2023: ▲ 3.2%



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

Apr 2023: RM145.0b ▼ -2.0%
Mac 2023: RM156.2b ▲ 8.0%



Nilai Jualan Sektor Perdagangan Borong & Runcit

Apr 2023: RM136.0b ▲ 6.3%
Mac 2023: RM138.5b ▲ 11.9%

SEKTOR LUARAN



Eksport

Mei 2023: RM119.6b ▼ -0.7%
*Apr 2023: RM105.4b ▼ -17.4%
Mac 2023: RM129.7b ▼ -1.4%



Import

Mei 2023: RM104.2b ▼ -3.3%
*Apr 2023: RM92.6b ▼ -11.1%
Mac 2023: RM103.0b ▼ -1.8%

* Seperti yang diterbitkan bagi bulan rujukan

PASARAN BURUH



Bilangan Penduduk Bekerja

Apr 2023: 16.25 juta orang ▲ 2.5%
Mac 2023: 16.22 juta orang ▲ 2.9%



Kadar Pengangguran

Apr 2023: 3.5%
Mac 2023: 3.5%

HARGA



Indeks Harga Pengguna (IHP)

Mei 2023: ▲ 2.8%
Apr 2023: ▲ 3.3%
Mac 2023: ▲ 3.4%



Indeks Harga Pengeluar (IHPR)

Mei 2023: ▼ -4.6%
Apr 2023: ▼ -3.0%
Mar 2023: ▼ -2.9%

Prestasi ekonomi malaysia bercampur-campur pada April 2023 meskipun ketidaktentuan ekonomi global

- Pertumbuhan ekonomi kini berhadapan dengan cabaran dan peluang. Walaupun perdagangan antarabangsa dan pengeluaran perindustrian mengalami penurunan, terdapat perkembangan positif dalam pekerjaan dan pertumbuhan konsisten bagi sektor tertentu seterusnya menjana keyakinan masa hadapan.
- Melihat kepada prestasi perdagangan antarabangsa Malaysia, prestasi perdagangan Malaysia menunjukkan arah aliran negatif, namun pada kadar yang lebih baik. Eksport menyaksikan penurunan sebanyak 0.7 peratus kepada RM119.6 bilion, manakala import susut 3.3 peratus kepada RM104.2 bilion pada Mei 2023. Walau bagaimanapun, lebihan dagangan meningkat 21.4 peratus kepada RM15.4 bilion berbanding tahun sebelumnya.
- IPP Malaysia mengalami penurunan, mencecah negatif 3.3 peratus berbanding bulan yang sama tahun lepas. Pada masa yang sama, nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia adalah RM145.0 bilion pada April 2023, mengalami penurunan sebanyak 2.0 peratus.
- Sementara itu, Perdagangan Borong & Runcit Malaysia merekodkan jualan bulanan RM136.0 bilion pada April 2023, pertumbuhan 6.3 peratus tahun ke tahun.
- Bagi prestasi terkini IHP Mei 2023, inflasi Malaysia mereda kepada 2.8 peratus, mencatatkan 130.2 mata. Selain itu, IHPR terus menurun kepada negatif 4.6 peratus pada Mei 2023 selepas mengalami penurunan 3.0 peratus pada April 2023.
- Situasi pasaran buruh terkini, bilangan penduduk bekerja meningkat 2.5 peratus kepada 16.25 juta orang pada April 2023. Kadar pengangguran berada pada 3.5 peratus pada April 2023.
- Perbandingan secara tahunan, pengeluaran tandan buah segar (kelapa sawit) meningkat 3.1 peratus pada Mei 2023. Tambahan pula, pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 3.4 peratus kepada 23,460 tan metrik pada April 2023.
- Melihat ke hadapan, prospek ekonomi dijangka tidak menggalakkan dengan Indeks Pelopor (IP) Malaysia menurun 2.7 peratus dan IP terlicin kekal di bawah aliran jangka panjang 100.0 mata bagi tujuh bulan berturut-turut. Ini menunjukkan prospek ekonomi Malaysia yang mencabar dalam jangka masa terdekat dengan ketidaktentuan ekonomi global semasa.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)